

BERITA HARIAN

DATE: 19/1/2010

Usia terkilan kenyataan Nazri isu kalimah Allah

KOTA KINABALU: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia) terkilan dengan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Nazri Aziz, yang membenarkan penganut Kristian di Sabah dan Sarawak menggunakan kalimah Allah.

Setiausaha Agungnya, Datuk Abdullah Hussin, berkata kenyataan berkenaan tidak mencerminkan aspirasi masyarakat Islam di Sabah secara amnya.

"Selain tidak mewakili suara majoriti masyarakat Islam di Sabah, kenyataan itu dibuat tanpa berbincang dengan pemimpin Islam di negeri ini," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Baru-baru ini, Mohd Nazri dilaporkan berkata, penduduk Kristian di Sabah dan Sarawak secara tradisinya menggunakan kalimah Allah sejak sekian lama, justeru dibenar meneruskan penggunaannya.

Abdullah berkata, Usia teguh dengan pendirian kalimah Allah tidak boieh digunakan golongan bukan Islam kerana ia dikhususkan bagi orang Islam.

Katanya, mereka yang ingin mengeluarkan kenyataan berkaitan isu itu perlu memahaminya dengan mendalam sebelum membuat ulasan supaya tidak mengelirukan atau mengeheruhkan keadaan.

"Kerajaan sudah melantik menteri bertanggungjawab menjaga kepentingan umat Islam iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharum. Kita perlu memberi kepercayaan kepada beliau menangannya," katanya.